

# 'Dr Mahathir perlu hormati mandat Anwar'

BH - 27/12/2022 mlb:4

**Dari Muka 1**

Dr Mahathir turut mengimbau ketika beliau melantik Anwar sebagai pemangku Perdana Menteri pada 1990-an yang mana Presiden PKR itu gagal menangani masalah berhubung kejatuhan nilai ringgit ketika itu.

Mengulas lanjut, Mujahid berkata, sebagai seorang negarawan Dr Mahathir harus mempunyai pemikiran yang lebih besar, tidak terlalu sempit dalam membuat penafsiran berkaitan perkembangan politik semasa.

"Ini bukan berkaitan isu Anwar (sebagai Perdana Menteri), sebaliknya isu Dr Mahathir sendiri yang seolah-olah mengangap perpaduan itu miliknya sahaja...orang lain tak boleh.

"Sebagai orang biasa, saya minta Dr Mahathir melihat gambaran yang lebih besar, umpama papan putih, orang melihat satu titik hitam di papan putih itu lalu

mengatakan keseluruhannya nampak hitam, itulah masalah dengan Dr Mahathir," katanya.

Sementara itu, Ketua Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan Sosialis Pemuda DAP (DAPSY), Dr Kelvin Yii Lee Wuen, berkata Dr Mahathir perlu menghormati mandat yang diberikan kepada Anwar sebagai Perdana Menteri.

Katanya, Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sudah berakhir dan rakyat sudah membuat pilihan mereka dengan Anwar diangkat sebagai pemimpin utama negara.

"Kita lihat Pakatan Harapan (PH) secara keseluruhan memenangi kerusi terbanyak dan undi popular di negara kita, ini bermaksud rakyat sudah membuat pilihan dan kita harus menghormati keputusan rakyat.

"Sama ada Anwar dapat melaksanakan tanggungjawab terbabit, kita harus berikan masa kepada beliau tetapi dalam masa

sebulan ini, kita dapat melihat banyak inisiatif dan hala tuju secara dasar dilakukan beliau yang mampu memulihkan ekonomi," katanya.

## Tak harus diambil serius

Bekas Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, pula menyifatkan pandangan negatif Dr Mahathir terhadap Anwar adalah sesuatu yang konsisten dan

tidak harus diambil serius.

"Rakyat perlu bersama Anwar kerana kita sedang berdepan dengan cabaran ekonomi yang memerlukan semua pihak untuk bekerja sama.

"Setakat ini, strategi dan kenyataan Anwar dilihat proaktif dan keutamaan yang dibekalkan berada di landasan yang tepat," katanya.

Sementara itu, bekas Ahli

"Sama ada Anwar dapat melaksanakan tanggungjawab terbabit, kita harus berikan masa kepada beliau tetapi dalam masa sebulan ini, kita dapat melihat banyak inisiatif dan hala tuju secara dasar dilakukan beliau"

**Kelvin Yii Lee Wuen,**  
Ketua Jawatankuasa Eksekutif Sosialis Pemuda DAP



Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata pandangan bekas Perdana Menteri itu perlu diabaikan, berdasarkan prestasinya pada PRU15 lalu.

"Beliau bukan sahaja tewas di (kerusi Parlimen) Langkawi, malah hilang wang pertaruhan bersama calon lain yang bertanding mewakili parti dipimpinnnya.

"Anwar bebas melakukan apa sahaja demi kebaikan negara dan kita harus membenarkannya berbuat demikian," katanya.

Penganalisis politik, Azmi Hassan, melihat Anwar jauh ke hadapan berbanding bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Anwar tegas dalam apa yang beliau mahu lakukan. Beliau adalah teraju utama dan semua kementerian hanya menunggu hala tuju yang akan dibawanya," katanya.